UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RME 457 Pengurusan Tapak Bina

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surt yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pengurus Tapakbina perlulah berwaspada tentang setiap tindakan dan keputusan yang dibuat kerana ia mempunyai implikasi undang-undang.

   Bincangkan.

   (25 Markah)

2. Aspek-aspek fisiologi para pekerja binaan perlu dikaji terlebih dahulu sebelum penentuan standard daya pengeluaran aktiviti-aktiviti dapat dibuat.

   Bincangkan.

   (25 Markah)

3. Sebagai seorang pengurus yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keaktifan para pekerja binaan, ia perlulah memahami cara-cara untuk merangsang dan memimpin dengan berkesan.

   Bincangkan ciri-ciri kepimpinan yang baik untuk dicontohi serta bagaimanakah seseorang pengurus tapakbina boleh merangsangkan para pekerja supaya lebih produktif?

   (25 Markah)

4. (a) Sistem komunikasi adalah penting di dalam pengurusan. Kenapa?

...2/-

(b) Mekanisme maklumbalas sangat berguna untuk menentukan sejauhmana sesuatu aktiviti itu tersisih daripada apa yang dirancangkan. Terdapat beberapa faktor yang menghindari maklumbalas daripada para pekerja kepada seseorang pengurus tapakbina.

Bincangkan.

(25 Markah)

5. Kemalangan di tapakbina adalah yang tertinggi kejadiannya jika dibandingkan dengan sektor-sektor perusahaan yang lainnya. Kenapakah ini terjadi?

Bincangkan jenis-jenis insuran yang perlu diambil semasa melaksanakan kontrak binaan.

(25 Markah)

6. Rangkaian kerja untuk membina satu unit rumah ialah seperti berikut:-




Masa Kerja : 8 jam sehari; 5 hari seminggu

Kadar binaan : 2 unit seminggu

Bilangan unit : 20

"Buffertime" : 5 hari

Lakarkan carta garisan seimbang menggunakan kaedah formula.

(25 Markah)

-oooOOOooo-